

## PEWARISAN ASNB 2026 (“Kempen”)

### A) Terma dan Syarat

1. Kempen ini dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) (“ASNB”).
2. Kempen ini berlangsung dari jam 00.00 (GMT +8) pada 1 Julai 2026 sehingga jam 23.59 (GMT +8) pada 31 Disember 2026 (“Tempoh Kempen”). ASNB berhak, atas budi bicara mutlaknyanya untuk mengubah, menangguhkan, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Kempen pada bila-bila masa..
3. Kempen ini terbuka kepada pemegang-pemegang unit ASNB baharu dan sedia ada yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dan memenuhi kelayakan pelanggan perkhidmatan Hibah Amanah atau Pengisytiharan Amanah (juga dikenali sebagai Pewarisan ASNB) (“Pewarisan ASNB”), termasuk semua kakitangan dan ahli keluarga terdekat (pasangan dan anak-anak) kepada kakitangan syarikat kumpulan milik Permodalan Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197801001190 (38218-X)) (“PNB”) (“Kumpulan PNB”) dan/atau entiti-entiti berikut yang mana terpakai (“Peserta”):
  - i. PNB;
  - ii. ASNB;
  - iii. ASNB Wakalah Sdn Bhd (Registration No. 202101002976 (1403274-P));
  - iv. Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (Registration No. 198801008611 (175967-W));
  - v. PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad (Registration No. 200001015384 (517991-A));
  - vi. PNB Research Institute Sdn Bhd (Registration No. 198501007000 (139442-U));
  - vii. PNB Commercial Sdn Berhad (Registration No. 200001015419 (518026-P)); dan
  - viii. Mana-mana syarikat dan/atau entiti lain yang ditentukan oleh ASNB.
4. Untuk layak menyertai Kempen ini, Peserta mesti memenuhi syarat-syarat tawaran berikut:
  - i. merupakan pemegang unit ASNB bagi sekurang-kurangnya satu (1) dana unit amanah ASNB;
  - ii. mengekalkan baki minimum satu ribu (1,000) unit di dalam dana unit amanah ASNB (tidak termasuk pinjaman/unit bercagar/Skim Pelaburan Ahli KWSP) yang ingin didaftarkan di bawah Pewarisan ASNB;
  - iii. melanggan Wakaf ASNB dengan jumlah sumbangan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) sahaja sepanjang Tempoh Kempen;
  - iv. Belum melanggan Pewarisan ASNB; dan
  - v. menyerahkan Dokumen Lengkap (“seperti yang ditakrifkan di bawah”) permohonan Pewarisan ASNB (rujuk “Tawaran dan Mekanisme Kempen” di bawah) di mana-mana cawangan ASNB semasa Tempoh Kempen. Bagi proses pra-pendaftaran dalam talian, Peserta mesti menyerahkan Dokumen Lengkap di mana-mana cawangan ASNB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh siap pra-pendaftaran, dan penyerahan tersebut mestilah dilakukan dalam Tempoh Kempen.

### B) Tawaran dan Mekanisme Kempen Campaign Offer and Mechanics

1. Peserta yang melanggan Wakaf ASNB dengan jumlah sumbangan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) sepanjang Tempoh Kempen akan layak menerima yuran pendaftaran Pewarisan ASNB pada kadar diskaun sebanyak Ringgit Malaysia Seratus (RM100.00) sahaja bagi pendaftaran kali pertama.

## 2. Proses Pendaftaran

2.1. Peserta perlu melanggan Wakaf ASNB dengan jumlah sumbangan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) dalam tempoh Tempoh Kempen melalui platform berikut:-

- i. Kaunter di Cawangan ASNB;
- ii. myASNB, iaitu portal ([www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my)) dan/atau aplikasi mudah alih; atau
- iii. Kaunter ejen ASNB (sebagai contoh, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan mana-mana ejen yang menyediakan perkhidmatan Wakaf ASNB).

2.2. Langkah seterusnya, Peserta boleh mendaftar untuk Pewarisan ASNB sama ada melalui pra-pendaftaran secara dalam talian atau permohonan terus di cawangan ASNB. Proses pendaftaran ini hendaklah dilengkapkan dalam Tempoh Kempen.

2.3. Proses pendaftaran Pewarisan ASNB bagi setiap kaedah adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Proses	Pra-Pendaftaran dalam talian	Permohonan terus di cawangan ASNB
Langkah 1	Lengkapkan pra-pendaftaran dalam talian di portal myASNB ( <a href="http://www.myasnb.com.my">www.myasnb.com.my</a> )	Hadir ke cawangan ASNB berdekatan.
Langkah 2	Cetak dan lengkapkan dokumen-dokumen berikut ("Dokumen Lengkap"): <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Surat Kuasa Wakil;</li> <li>ii. Dokumen salinan pengenalan diri pemberi, penerima/penjaga dan saksi yang telah disahkan benar daripada salinan asal; dan</li> <li>iii. Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A)* (Akad) yang telah ditandatangani oleh pemberi, penerima/penjaga dan saksi-saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja).</li> </ol>	Lengkapkan dokumen-dokumen berikut ("Dokumen Lengkap"): <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Borang Permohonan PH1A/PH1B*;</li> <li>ii. Surat Kuasa Wakil;</li> <li>iii. Dokumen salinan pengenalan diri pemberi, penerima/penjaga dan saksi yang telah disahkan benar daripada salinan asal; dan</li> <li>iv. Borang Lafaz Pemberian dan Penerimaan Harta Hibah PH1A(A)* (Akad) yang telah ditandatangani oleh pemberi, penerima/penjaga dan saksi-saksi (untuk permohonan Hibah Amanah sahaja).</li> </ol>
Langkah 3	Serahkan Dokumen Lengkap seperti yang dinyatakan di Langkah 2 dan lengkapkan pendaftaran di cawangan ASNB terdekat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh penghantaran pra-pendaftaran dalam talian dan penyerahan ini mestilah dilakukan dalam Tempoh Kempen.  Sekiranya Peserta tidak menyerahkan Dokumen Lengkap di cawangan ASNB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian, dan jika Peserta ingin meneruskan pendaftaran, Peserta perlu membuat pendaftaran semula; sama ada dengan melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian yang baharu atau dengan memohon secara terus di mana-mana cawangan ASNB.	Serahkan Dokumen Lengkap seperti yang dinyatakan di Langkah 2 untuk melengkapkan proses permohonan.

\*Borang terkini PH1A / PH1B (V.01/2021) serta Surat Kuasa Wakil (Power of Attorney) boleh dimuat turun melalui laman web ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

### C) Lain-lain Terma dan Syarat

1. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta telah bersetuju untuk tertakluk dengan Terma dan Syarat Kempen ini.
2. Sebarang keputusan oleh ASNB, sebagai penganjur bagi Kempen ini, bagi penerima ganjaran dan tawaran adalah muktamad dan sebarang rayuan dan/atau pertikaian tidak akan dilayan.
3. Setiap Peserta bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, Peserta dengan ini membenarkan dan memberi kebenaran kepada ASNB untuk:
  - 3.1. mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Peserta kepada ASNB semasa menyertai Kempen ini termasuk gambar Peserta dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") mengikut polisi privasi ASNB yang dinyatakan di laman web rasmi ASNB di [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my); dan
  - 3.2. menzahir dan berkongsi Data Peribadi di kalangan kumpulan syarikat PNB, ejen yang diberi kuasa dan pembekal perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk menyimpan Data Peribadi Peserta secara sulit) bagi tujuan menyediakan Peserta produk dan perkhidmatan atau mana-mana perkhidmatan lain yang berkaitan dan sebarang tujuan lain yang berkaitan selaras dengan keperluan undang-undang yang berkaitan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
4. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB dan/atau Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Kempen ini.
5. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, peperangan, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
6. ASNB berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menggantung atau menamatkan Kempen ini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana terma dan syarat Kempen ini pada bila-bila masa, tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada Peserta.
7. ASNB berhak untuk menarik semula dan/atau membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak memenuhi kelayakan dan kriteria dan/atau gagal untuk mematuhi terma dan syarat seperti yang dinyatakan dan/atau melanggar dasar ASNB atau undang-undang yang berkuat kuasa dan/atau didapati atau disyaki telah mengganggu proses Kempen atau perjalanan Kempen ini. Gangguan yang dimaksudkan merangkumi kegiatan penipuan yang melibatkan sebarang tipu daya, penipuan dan/atau pemalsuan berkaitan dengan Kempen ini.
8. ASNB dan/atau Kumpulan PNB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian yang ditanggung oleh Peserta yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penglibatan Peserta dalam Kempen ini atau sebaliknya.
9. ASNB berhak untuk menggantikan ganjaran atau tawaran dengan ganjaran atau tawaran lain yang setaraf nilainya pada bila-bila masa atas budi bicara mutlaknya.
10. Terma dan syarat ini, termasuk dengan sebarang pindaan, penghapusan atau penambahan, akan mengatasi mana-mana peruntukan atau pernyataan berkaitan Kempen ini yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi sama ada bercetak atau elektronik.
11. Terma dan syarat ini tertakluk pada undang-undang Malaysia dan Peserta bersetuju tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.
12. Terma dan syarat ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau konflik di antara dua (2) versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

D) Lampiran- Contoh Senario untuk Yuran Pendaftaran

Senario	Layak mendapat potongan yuran	Tidak layak mendapat potongan cukai (Harga biasa dikenakan)	Nota
Peserta hadir ke mana-mana cawangan cawangan ASNBN semasa Tempoh Kempen dan menyerahkan Dokumen Lengkap untuk permohonan Pewarisan ASNBN.	✓		Peserta <b>layak menerima</b> Tawaran Kempen berupa yuran pendaftaran sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja.
Peserta melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian untuk Pewarisan ASNBN pada 15 Julai 2026. Pada 1 Ogos 2026, Peserta menyerahkan dokumen lengkap di cawangan ASNBN.	✓		Peserta <b>layak menerima</b> Tawaran Kempen berupa yuran pendaftaran sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja, tertakluk kepada penyerahan dalam Tempoh Kempen.
Peserta melaksanakan Wakaf ASNBN pada 30 Jun, 2026 dan mengemukakan Dokumen Lengkap di cawangan ASNBN pada 15 Julai 2026.		✓	Peserta <b>tidak layak</b> menerima Tawaran Kempen berupa yuran pendaftaran sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja kerana Wakaf ASNBN dibuat sebelum Tempoh Kempen.
Peserta mengemukakan Dokumen Lengkap di cawangan ASNBN pada 4 Januari 2027.		✓	Peserta <b>tidak layak</b> menerima Tawaran Kempen berupa yuran pendaftaran sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja kerana penyerahan Dokumen Lengkap dibuat selepas Tempoh Kempen.  Sekiranya Peserta ingin mendaftar bagi Pewarisan ASNBN, Peserta perlu membayar yuran pendaftaran biasa sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh (RM180.00) sahaja.
Peserta melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian bagi Pewarisan ASNBN pada 20 November 2026. Pada Januari 2027, Peserta mengemukakan Dokumen Lengkap di cawangan ASNBN.		✓	Peserta <b>tidak layak</b> menerima Tawaran Kempen berupa yuran pendaftaran sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) sahaja kerana penyerahan Dokumen Lengkap dibuat selepas Tempoh Kempen.  Sekiranya Peserta ingin mendaftar bagi Pewarisan ASNBN, Peserta perlu membayar yuran pendaftaran biasa sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh (RM180.00) sahaja.
Peserta melengkapkan pra-pendaftaran dalam talian bagi Pewarisan ASNBN pada 10 Julai 2026. Pada 25 Disember 2026, Peserta mengemukakan Dokumen Lengkap di cawangan ASNBN.		✓	Peserta <b>tidak layak</b> menerima Tawaran Kempen kerana penyerahan melebihi tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pra-pendaftaran diselesaikan.  Bagi melayakkan diri untuk Tawaran Kempen, Peserta perlu membuat semula pra-pendaftaran dalam talian dan mengemukakan Dokumen Lengkap dalam Tempoh Kempen serta dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh pra-pendaftaran diselesaikan.